

13 AUG 1997

NEGARA KAYA MAHU MENINDAS NEGARA MISKIN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, negara-negara kaya suka menindas negara-negara miskin di sebalik membantu mereka.

Dr Mahathir berkata: "Apa yang menyebabkan saya marah ialah aktiviti seperti ini yang di sokong oleh negara-negara yang kaya sangat, dan mereka ini tidak sanggup membantu negara-negara miskin."

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melakukan kunjungan perpisahan terhadap pengerusi bersama Majlis Menteri-menteri Bosnia dan Herzegovina, Dr Haris Saladjic dan Boro Bosic di Hotel Istana, di sini.

"Apabila mereka melihat negara-negara miskin, mereka mengetuk di kepala tetapi bercakap pula mengenai keadilan, demokrasi -- apa ini demokrasi apabila yang kaya boleh menindas yang miskin," kata beliau semasa diminta mengulas mengenai nilai matawang ringgit yang terus menyusut sejak kebelakangan ini.

Dr Mahathir berkata, orang seperti ini tidak peduli apa yang mereka lakukan terhadap yang lain dan mereka beranggapan bahawa perbuatan memusnahkan ekonomi negara-negara membangun menyeronokkan.

"Sudah tentu mereka tidak menerima padahnya. Apa yang mereka peduli? Mereka bercakap mengenai hak asasi manusia, pembasmian kemiskinan dan semua itu. Mereka berpendapat ini sesuatu yang membanggakan," kata beliau.

"Mereka melakukannya bagi demokrasi, bagi kebebasan dan bagi perdagangan bebas. Saya tidak bercakap tentang sesiapa, anda boleh meneka sendiri," kata beliau lagi.

Tetapi Dr Mahathir berkata, kejatuhan nilai matawang Malaysia hanya fenomena sementara dan kerajaan sedang berusaha sedaya yang boleh ke arah "penyelesaian muktamad" terhadap masalah itu.

Nilai ringgit terus menyusut hari ini kepada 2.786 terhadap dolar AS berbanding 2.765 semalam.

Dr Mahathir berkata, beberapa negara Eropah sudahpun memikirkan untuk menghadkan urusan niaga spekulatif di pasaran pertukaran asing. Tetapi beliau berkata: "Saya tidak tahu sama ada kita boleh melakukannya atau tidak. Kita sedang mengkajinya dan sedang memikirkan penyelesaian jangka panjang.

"Kita akan pulih kembali," kata beliau dengan penuh keyakinan.

Perdana Menteri terus mengutuk spekulator matawang yang aktiviti mereka menyebabkan nilai matawang di rantau ini terus berkurangan sejak beberapa minggu kebelakangan ini.

Katanya: "Mereka boleh cuba sedaya boleh untuk menghancurkan kita. Mereka kata tiada konspirasi, tetapi sama ada wujud konspirasi atau tidak, hakikatnya ialah mereka telah dengan sengaja melakukannya dengan mengetahui bahawa ringgit sedang menurun dan mereka mahu menjatuhkannya lagi."

Dr Mahathir berkata orang sedemikian mahu mengaut keuntungan untuk diri sendiri dan untuk orang kaya.

"Inilah bentuk hutan yang kita diami, apa yang disebut sebagai sebuah dunia dan pasaran terbuka -- ia adalah sebuah hutan."

Ditanya mengenai langkah yang diambil untuk mengkaji semula pelaksanaan projek mega tertentu memandangkan kedudukan ringgit yang lemah, Perdana Menteri berkata langkah sedemikian diambil bukan kerana kejatuhan nilai ringgit.

"Kita mahu mengurangkan import kerana sekarang kos import adalah tinggi sedikit kerana nilai ringgit telah susut. Oleh itu, buat sementara waktu kita perlu kurangkan import," katanya.

Beliau berkata ia merupakan langkah sementara dan projek yang dikaji semula itu kelihatan besar dari segi nilai tetapi sebenarnya bukan projek mega. -- BERNAMA

ZAB SIA